



## LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

---

### PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 9 TAHUN 2017

---

#### KEMUDAHAN CUTI UMRAH

#### 1. TUJUAN

Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan berkaitan dengan Cuti Umrah yang merupakan cuti tanpa rekod untuk pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang yang beragama Islam menunaikan ibadah umrah sekali sepanjang tempoh perkhidmatan.

#### 2. TAFSIRAN

2.1 Dalam Pekeliling Ketua Pengarah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“**Hari Kelepasan Mingguan**” adalah merujuk kepada hari Ahad atau, di Negeri-Negeri di mana hari Jumaat diterima sebagai hari kelepasan mingguan, hari Jumaat.

“**Hari Kelepasan Am**” adalah merujuk kepada hari pelepasan waktu bertugas di mana hari berkenaan ditentukan oleh negeri-negeri dan di wartakan di dalam jadual pada setiap tahun.

“**Hari Rehat Mingguan**” adalah merujuk kepada negeri-negeri di mana hari Ahad merupakan Hari Rehat Mingguan, dengan pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu maka Hari Rehat Mingguan bagi negeri berkenaan adalah pada hari Sabtu dan hari Ahad. Manakala bagi negeri di mana hari Jumaat merupakan Hari Rehat Mingguan, dengan pelaksanaan Lima Hari Berkerja Seminggu, Hari Rehat Mingguan bagi negeri tersebut adalah pada hari Jumaat dan Sabtu.

### 3. PELAKSANAAN

2.1 Pelaksanaan kemudahan Cuti Umrah adalah seperti berikut:

- a. Cuti Umrah adalah bagi maksud menunaikan ibadah umrah di tanah suci Mekah dan ziarah di Madinah;
- b. Cuti Umrah adalah cuti tanpa rekod yang diperuntukkan kepada pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang yang beragama Islam dan bertaraf tetap;
- c. Cuti Umrah adalah tertakluk kepada maksimum tujuh (7) hari;
- d. Cuti Umrah adalah tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am;
- e. Perkiraan tujuh (7) hari bagi maksud ibadah umrah bermula dari tarikh penerbangan sebenar menunaikan ibadah umrah di tanah suci Mekah dan ziarah di Madinah. Sekiranya tarikh penerbangan bermula pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am, maka perkiraan tujuh (7) hari akan bermula pada hari bekerja berikutnya;
- f. Sekiranya pegawai memerlukan tempoh melebihi tujuh (7) hari atas sebab-sebab tertentu, maka pegawai boleh memohon untuk menggunakan kemudahan Cuti Rehat, Cuti Rehat Khas atau Cuti Tanpa Gaji atas urusan persendirian, tertakluk pada kelayakan cuti pegawai;

- g. Cuti Umrah adalah diberikan sekali sahaja (*one-off*) sepanjang tempoh perkhidmatan, yang meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik. Sekiranya tempoh Cuti Umrah yang digunakan adalah kurang daripada tujuh (7) hari, baki cuti yang digunakan tidak boleh dibawa ke hadapan;
- h. Permohonan Cuti Umrah yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan dokumen perjalanan bagi kelulusan Ketua Jabatan;
- i. Ketua Jabatan hendaklah mengambil kira keperluan dan kepentingan perkhidmatan dalam mempertimbangkan/meluluskan permohonan kemudahan ini; dan
- j. Kemudahan Cuti Umrah hendaklah dicatat dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.


#### 4. KEPUTUSAN

Adalah diputuskan bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2017 mengenai Kemudahan Cuti Umrah yang telah dikeluarkan oleh JPA.

#### 5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuat kuasa mulai tarikh **1 Januari 2018**.

Sekian, terima kasih.




**(DATO' HJ. MOHD SALIM BIN HJ.TAHA)**  
Ketua Pengarah  
Lembaga Pertubuhan Peladang

28 Disember 2017

**Edaran Kepada :**

- Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
- Timbalan Ketua Pengarah Operasi
- Pengarah – Pengarah Bahagian
- Pengarah Unit Integriti
- Pengarah – Pengarah LPP Negeri
- Ketua Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang – Undang
- Presiden Persatuan Pegawai – Pegawai Kanan LPP Semenanjung Malaysia (PEKA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KEPELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Pembantu Ehwat Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Akaun/Audit Semenanjung Malaysia (KESADA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Pentadbiran LPP Semenanjung Malaysia (KETADBIR)
- Yang Dipertua Kesatuan Penolong Jurutera LPP Malaysia (KETEKNIK)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan LPP Negeri Sabah (KESABAH)
- Presiden Kesatuan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Lembaga Pertubuhan Peladang Semenanjung Malaysia (TEMA)



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2017**

---

**KEMUDAHAN CUTI UMRAH**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan bagi kemudahan cuti umrah yang merupakan cuti tanpa rekod untuk pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang beragama Islam menunaikan ibadah umrah sekali sepanjang tempoh perkhidmatan.

**PELAKSANAAN**

2. Pelaksanaan kemudahan Cuti Umrah adalah seperti yang berikut:
- a. Cuti Umrah adalah bagi maksud menunaikan ibadah umrah di tanah suci Mekah dan ziarah di Madinah;
  - b. Cuti Umrah adalah cuti tanpa rekod yang diperuntukkan kepada pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang beragama Islam dan bertaraf tetap;

- c. Cuti Umrah adalah tertakluk kepada maksimum tujuh (7) hari;
- d. Cuti Umrah adalah tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am;
- e. Perkiraan tujuh (7) hari bagi maksud ibadah umrah bermula dari tarikh penerbangan sebenar menunaikan ibadah umrah di tanah suci Mekah dan ziarah di Madinah. Sekiranya tarikh penerbangan bermula pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am, maka perkiraan tujuh (7) hari akan bermula pada hari bekerja berikutnya;
- f. Sekiranya pegawai memerlukan tempoh melebihi tujuh (7) hari atas sebab-sebab tertentu, maka pegawai boleh memohon untuk menggunakan kemudahan Cuti Rehat, Cuti Rehat Khas atau Cuti Tanpa Gaji atas urusan persendirian, tertakluk pada kelayakan cuti pegawai;
- g. Cuti Umrah adalah diberikan sekali sahaja (*one-off*) sepanjang tempoh perkhidmatan, yang meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik. Sekiranya tempoh Cuti Umrah yang digunakan adalah kurang daripada tujuh (7) hari, baki cuti yang tidak digunakan tidak boleh dibawa ke hadapan;
- h. Permohonan Cuti Umrah yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan dokumen perjalanan bagi kelulusan Ketua Jabatan;
- i. Ketua Jabatan hendaklah mengambil kira keperluan dan kepentingan perkhidmatan dalam mempertimbangkan/meluluskan permohonan kemudahan ini; dan
- j. Kemudahan Cuti Umrah hendaklah dicatatkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.

## TARIKH KUAT KUASA

3. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2018**.

## PEMAKAIAN

4. Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(TAN SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

|| Disember 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

